

Nama : Tingkatan :

3756/1
Prinsip Perakaunan
Kertas 1
1¼ jam



MODUL ULANGKAJI KECEMERLANGAN BERFOKUS SPM 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

Kertas modul ini mengandungi 16 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 1 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** tujuan penubuhan Malaysia Accounting Standard Board?
- A Bertindak sebagai penasihat kepada akauntan
 - B Menentukan garis panduan laporan kewangan
 - C Menggubal dan menerbitkan piawaian perakaunan ✓
 - D Menyediakan laporan kewangan sebuah perniagaan
- 2 Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan sebuah perniagaan ?
- A Sistem perakaunan
 - B Konsep perakaunan
 - C Kitaran perakaunan ✓
 - D Prinsip perakaunan
- 3 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Afiq Enterprise yang dimiliki oleh Encik Mohamad Afiq.
- Encik Mohamad Afiq merekod yuran tuisyen anaknya berjumlah RM200 ke dalam buku akaun perniagaan
- Apakah andaian perakaunan yang gagal beliau patuhi?
- A Entiti berasingan ✓
 - B Usaha berterusan
 - C Wang sebagai ukuran
 - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 4 Entiti perniagaan yang manakah merupakan sebuah perniagaan perkongsian?
- A Sakinah Butik
 - B Hidayah Sdn. Bhd
 - C Pasar Raya Maidin Holding Bhd.
 - D Kedai Perabot Darren & Brothers ✓

- 5 Antara yang berikut, butiran manakah yang dikelaskan sebagai liabiliti semasa?
- I Sewa belum terima
 - II Insurans prabayar
 - III Gaji belum bayar
 - IV Overdraf bank
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV ✓
- 6 Antara yang berikut, item yang manakah direkod dalam Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?
- I Pulangan masuk dan faedah atas pinjaman
 - II Inventori awal dan inventori akhir ✓
 - III Duti import dan upah atas belian ✓
 - IV Insurans dan angkutan masuk
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III ✓
D III dan IV
- 7 Inventori barang niaga pada harga kos RM3 890 dijual kepada Ulwan Kedai Runcit Jimat bernilai RM6 460.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan ?

	Aset		Ekuiti Pemilik
	Inventori Akhir	Akaun Belum Terima	Untung Bersih
A	Berkurang	Bertambah	Bertambah ✓
B	Berkurang	Bertambah	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah	Berkurang

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 8 Perniagaan Focus Vission telah menggunakan carta akaun berikut dalam perakaunannya.

Kod item	Jenis akaun
1000 – 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Belanja
4000 - 4999	Hasil

Apakah kod bagi akaun faedah atas simpanan?

- A 1009
B 2012
C 3006
D 4008 ✓

Dokumen 1 diberikan oleh seorang pengurus kepada kerani akaunnya.

ASAL	INVOIS	No. 2007
	Liu Yee Trading, 39, Jalan Setanggi, Johor.	
Kepada : Kedai Buku Sofea 37, Jalan Kemboja, Johor.		
Tarikh : 2 Mei 2020		
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)
50	Biologi SPM	18
50	Prinsip Perakaunan SPM	20
		900.00
		1 000.00
Jumlah		1 900.00
<i>Tolak : Diskaun niaga 10%</i>		190.00
		1 710.00
Ringgit Malaysia : Satu ribu tujuh ratus sepuluh sahaja Syarat: 5% 7 hari, 2% 14 hari Serahan: Angkutan dibayar K & K di K		
<i>Shera</i> _____ T.T Penerima	<i>Kui Chin</i> _____ T.T Pengurus	

Dokumen 1

Berdasarkan **dokumen 1** di atas, berapakah jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh Kedai Buku Sofa sekiranya beliau menjelaskan hutang pada 11 Mei 2020?

- A RM1 624.50
 - B RM1 675.80 ✓
 - C RM1 710.00
 - D RM1 900.00
- 10 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan sejenis dokumen yang dikeluarkan oleh kerani Syarikat Tuah

Syarikat Tuah menghantar dokumen kepada pelanggannya, Perniagaan Batik untuk mengenakan bayaran tambahan bagi angkutan.

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota debit ✓
 - B Nota kredit
 - C Folio pelanggan
 - D Makluman debit
- 11 **Dokumen 2** berikut diberikan oleh seorang pengurus kepada kerani akaunnya.

ASAL		INVOIS		No.0019
		Kedai Perabot Chan		
		40, Jalan Matahari, Johor.		
Kepada :				
Kedai Elektrik Rahman				
Lot A 03, Jalan Kemboja, Johor.				
		Tarikh : 6 Mac 2020		
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	
1	Meja tulis	400	400.00	
			400.00	
Tolak : Diskaun niaga			0.00	
Jumlah			400.00	
Ringgit Malaysia : Empat ratus sahaja				
Syarat: 5% 10 hari, 2% 20 hari				
Serahan: Angkutan dibayar				
K & K di K				
<i>Rashida</i> T.T Penerima		<i>Lim</i> T.T Pengurus		

Dokumen 2

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Berdasarkan **dokumen 2** di atas, apakah catatan bergu untuk urus niaga berkenaan?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belian	Kedai Perabot Chan
B	Akaun Perabot	Kedai Perabot Chan
C	Kedai Perabot Chan	Akaun Belian
D	Kedai Perabot Chan	Akaun Perabot

- 12 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Gadget Ayu Najwa.

Buku Tunai

Tarikh	Perkara	Fol	Tunai	Bank	Tarikh	Perkara	Fol	Tunai	Bank
2020			RM	RM	2020			RM	RM
Julai 1	Modal			25 000	Julai 2	Tunai	✓		1 000
2	Bank	✓	1 000		4	Kadar			
16	Jualan			1 980		Bayaran		185	
28	Purnama			3 505	20	Belian		500	
30	Jualan		200		31	Baki h/b		?	?
			1 200	30 485				1 200	30 485

Berapakah nilai baki akhir tunai bagi bulan Julai 2020?

- A RM515 ✓
 B RM1 200
 C RM29 845
 D RM30 475
- 13 Akaun yang manakah merupakan akaun nominal?

- I Akaun Komisen diterima
 II Akaun Lekapan
 III Akaun Perabot
 IV Akaun Sewa

- A I dan II
 B I dan IV ✓
 C II dan III
 D III dan IV

- 14 Butik Pengantin Mewah mengambil inventori baju pengantin perempuan untuk dipakaikan kepada patung yang ingin dipamerkan di hadapan kedai untuk melariskan jualan.

Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Ambilan	Akaun Belian
B	Akaun Ambilan	Akaun Promosi
C	Akaun Promosi	Akaun Belian ✓
D	Akaun Iklan	Akaun Ambilan

- 15 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Dewi Qaseh Enterprise pada 31 Disember 2020.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2020			2020		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	2 500	Dis 31	Bank	7 200
Dis 31	Jualan	9 000		Pulangan Jualan	420
	Faedah	210		X	190
				Baki h/b	3 900
		11 710			11 710

Apakah X di atas?

- A Diskaun diberi ✓
 B Diskaun diterima
 C Diskaun dibatalkan
 D Angkutan dikenakan
- 16 Antara yang berikut, butiran yang manakah dicatatkan di sebelah debit Imbangan Duga?
- A Overdraif bank
 B Simpanan tetap ✓
 C Akaun Belum Bayar
 D Susut nilai terkumpul mesin
- 17 Apakah kesan sekiranya inventori akhir adalah tinggi?
- A Kos jualan tinggi dan untung kasar tinggi
 B Kos jualan rendah dan untung kasar tinggi ✓
 C Kos jualan tinggi dan untung kasar rendah
 D Kos jualan rendah dan untung kasar rendah

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 18 Akaun Untung Rugi berikut diambil daripada buku perniagaan Star Bright Enterprise

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021

	RM
Untung kasar	23 600
Tambah : K	2 700
	26 300
Tolak : L	11 400
Untung bersih	14 900

Apakah K dan L?

	K	L
A	Dividen	Sewa diterima
B	Diskaun diberi	Hutang lapuk
C	Faedah atas simpanan tetap	Belanja runcit ✓
D	Penambahan peruntukan hutang ragu	Kadar bayaran

- 19 Di bahagian manakah Akaun Gadaai janji akan direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Aset Semasa
B Liabiliti Semasa
C Aset Bukan Semasa
D Liabiliti Bukan Semasa ✓

- 20 Pilih catatan penutup yang betul bagi Akaun Kadar bayaran.

A

Akaun Kadar bayaran

2020	RM	2020	RM
Okt.31 Akaun Perdagangan	2 500	Okt.31 Bank	2 500
	2 500		2 500

B

Akaun Kadar bayaran

2020	RM	2020	RM
Okt.31 Bank	2 500	Okt.31 Akaun Perdagangan	2 500
	2 500		2 500

[Lihat halaman sebelah

SULIT

C

Akaun Kadar bayaran					
2020			2020		
Okt.31	Untung Rugi	RM	Okt.31	Bank	RM
		2 500			2 500
		<u>2 500</u>			<u>2 500</u>

D

Akaun Kadar bayaran					
2020		RM	2020		RM
Okt.31	Bank	2 500	Okt.31	Untung Rugi	2 500
		<u>2 500</u>			<u>2 500</u>

21 Manakah yang **benar** tentang pelarasan pada tarikh imbalan?

- I Hasil belum terima ialah Aset Semasa
- II Belanja belum bayar ialah Liabiliti Semasa ✓
- III Hasil belum terperoleh ialah Aset Semasa
- IV Belanja prabayar ialah Liabiliti Semasa
- A I dan II ✓
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

22 Berikut adalah maklumat yang dipetik dari Imbalan Duga Syarikat Ammar.

Imbalan Duga pada 31 Mac 2021

	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	240	

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans dibayar untuk setahun sehingga 31 Mei 2021
- (ii) Insurans prabayar pada 1 April 2020 ialah RM60

Berapakah insurans yang dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2021?

- A RM200
- B RM220
- C RM240
- D RM260 ✓

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 23 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Murni pada 30 Jun 2021.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	6 500	
Peruntukan hutang ragu		275

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu dianggarkan sebanyak RM325.

Catatan manakah yang betul dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2021 Jun 30	Hutang Ragu Peruntukan Hutang Ragu	50	50

✓

B

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2021 Jun 30	Penambahan Hutang Ragu Peruntukan Hutang Ragu	50	50

C

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2021 Jun 30	Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu Peruntukan Hutang Ragu	50	50

D

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2021 Jun 30	Penambahan Peruntukan Hutang Ragu Peruntukan Hutang Ragu	50	50

✓

- 24 Maklumat berikut dipetik daripada Imbangan Duga Setiakawan Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2020.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Mesin (kos)	30 000	
Susut nilai terkumpul mesin		10 800

Maklumat tambahan:

- Mesin disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Pada 31 Disember 2020, mesin tersebut dijual pada harga RM17 500 dengan cek.
- Tahun kewangan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- Untung pelupusan RM2 140
 - Untung pelupusan RM4 300
 - Rugi pelupusan RM2 140
 - Rugi pelupusan RM4 300
- 25 Pilihan manakah yang menunjukkan catatan pelarasan akaun nominal yang **betul** dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A

<u>Aset Semasa</u>	RM
Sewa belum terima	340
Gaji belum bayar	6 000

B

<u>Liabiliti Semasa</u>	RM
Insurans prabayar	200
Komisen belum terperoleh	550

C

<u>Aset Semasa</u>	RM
Sewa prabayar	600
Komisen belum terima	500

D

<u>Liabiliti Semasa</u>	RM
Faedah belum terima	760
Sewa belum terperoleh	600

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 26 Bagi tahun berakhir 30 Jun 2021, Klinik Andalusia memperoleh untung bersih berjumlah RM25 568. Selepas pengiraan untung bersih, kerani akaun klinik tersebut telah menemui kesilapan-kesilapan berikut.

- Belian meja pejabat bernilai RM780 tersilap rekod dalam Akaun Belian
- Hasil perundingan kesihatan terlebih catat RM500

Berapakah untung bersih yang baru selepas pembetulan kesilapan tersebut dilakukan?

- A RM24 288
 - B RM25 288
 - C RM25 848
 - D RM26 848
- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Buku Rita pada 31 Disember 2019.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2020	6 800
Inventori pada 31 Disember 2020	3 400
Jualan	35 000
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

- A 2.74 kali
 - B 5.49 kali
 - C 6.86 kali
 - D 8.24 kali
- 28 Antara yang berikut, punca yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?
- I Rekod perakaunan musnah atau hilang. •
 - II Catatan urus niaga tidak dibuat langsung. •
 - III Merekod menggunakan sistem catatan bergu.
 - IV Dokumen sumber urus niaga disimpan secara sistematik.
- A I dan II ✓
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 29 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Wadi Do'an

Butir	31 Disember 2019 RM	31 Disember 2020 RM
Akaun Belum Bayar	9 500	72 000
Belian tunai	30 000	60 000
Bayaran kepada pembekal	-	115 000

Berapakah belian kredit?

- A RM237 500
B RM177 500
C RM99 500
D RM52 500
- 30 Apakah kepentingan pengasingan tugas dalam aspek kawalan pengendalian tunai bagi sesebuah perniagaan?
- A Kerja perekodan menjadi lebih mudah
B Penyelewengan wang tunai dapat dielakkan ✓
C Masa perekodan urus niaga dapat dijimatkan
D Keuntungan perniagaan dapat dimaksimakan
- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bunga Tina.

	RM
Cek belum dikemukakan	800
Deposit belum dikreditkan	400

Pada 31 Mac 2021, buku tunai menunjukkan baki debit RM2 200.

Berapakah baki akhir bulan Mac dalam Penyata Bank?

- A RM3 400
B RM2 600
C RM1 800
D RM1 000
- 32 Jika perniagaan perkongsian tidak membuat Ikatan Perkongsian, bagaimanakah cara untung dan rugi dikira berdasarkan Akta Perkongsian 1961?
- A Dibahagikan secara sama rata ✓
B Dibahagikan mengikut nisbah 1 : 2
C Dibahagikan mengikut nisbah 2 : 3
D Dibahagikan mengikut nisbah modal

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 33 Akaun Semasa di bawah merupakan Akaun Semasa Roziman, iaitu pekongsi bagi Perkongsian R & N

Akaun Semasa Roziman

2021		RM	2021		RM
Mac 31	Y	X	Jan 1	Baki b/b	XX
	Baki h/b	X	Dis 31	Z	XX

Apakah butiran bagi Y dan Z?

	Y	Z
A	Modal	Ambilan
B	Ambilan	Modal
C	Ambilan	Faedah atas modal
D	Faedah atas modal	Ambilan

- 34 Akaun manakah yang diambil kira dalam memindahkan keuntungan atau kerugian atas realisasi?

- A Akaun Realisasi ✓
- B Akaun Untung Rugi
- C Akaun Modal Pekongsi ✓
- D Akaun Semasa Pekongsi

- 35 Pernyataan yang manakah **bukan** menerangkan ciri syer biasa ?

- A Tiada hak mengundi ✓
- B Tiada tunggakan dividen
- C Kadar dividen yang tidak tetap
- D Menerima dividen selepas pembayaran dividen kepada pemegang syer keutamaan

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Azam Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan	RM1 500 000
2 000 000 unit Syer Biasa	RM4 000 000

Pada 30 Jun 2020, lembaga pengarah telah membayar dividen interim bagi tempoh enam bulan pertama kepada pemegang Syer Keutamaan dan 5% dividen interim kepada pemegang Syer Biasa.

Pada 31 Disember 2020, lembaga pengarah mengisytiharkan 6% dividen akhir bagi pemegang Syer Biasa.

Berapakah jumlah dividen akhir yang akan dibayar oleh Syarikat Azam Berhad?

- A RM60 000
- B RM240 000
- C RM300 000
- D RM360 000

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Bahagia.

Akaun Yuran			
	RM		RM
Pendapatan dan perbelanjaan	9 600	Yuran belum terperoleh	850
X	Y	Bank	10 000
		Z	90

Apakah X dan nilai Y dalam Akaun Yuran?

- A Yuran belum terima RM1 250
- B Yuran belum terima RM1 340
- C Yuran belum terperoleh RM1 250
- D Yuran belum terperoleh RM1 340

- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan aset dan liabiliti Kelab Riang pada 1 Mac 2021.

	RM
Kelengkapan kelab	15 000
Susut nilai terkumpul kelengkapan	3 000
Yuran belum terperoleh	650
Yuran belum terima	400
Deposit kadar bayaran	1 000
Bank	6 800
Sewa belum terperoleh	730
Akaun Belum Bayar	2 500

Berapakah dana terkumpul pada 1 Mac 2021?

- A RM19 320
 B RM23 280
 C RM26 280
 D RM16 320
- 39 Antara yang berikut, item yang manakah merupakan komponen kos prima?
- I Sewa kilang
 II Belanja tak langsung
 III Belanja langsung
 IV Kos bahan langsung
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV ✓

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Sihat Sdn. Bhd.

Tahun	Jumlah Pengeluaran (Unit)	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Jualan (RM)
2019	50 000	200 000	300 000
2020	60 000	220 000	360 000

Berapakah kos tetap bagi syarikat tersebut?

- A RM220 000
 B RM200 000
 C RM120 000
 D RM100 000

KERTAS MODUL TAMAT